

Oleh Nur Saliawati Salberi
nursaliawati@mediapri-
ma.com.my
Melaka

Kesan GST kepada petani

■ Kementerian mahu bincang implikasi input pertanian kian mahal

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mengadakan perjumpaan dengan beberapa kementerian berkaitan bagi membincangkan semula mengenai kesan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kepada sektor pertanian negara.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, kajian semula GST membabitkan sektor pertanian amat perlu bagi memastikan lebih ramai terus menceburi diri dalam bidang itu.

Beliau berkata, hasil kajian itu nanti dijangka akan meningkatkan lagi produktiviti petani, sekali gus membantu mengurangkan kebergantungan kepada makanan import.

"Saya akan mengadakan perjumpaan dengan peringkat Perbendaharaan, Kementerian kewangan untuk melihat sokongan berterusan mengenai kesan kajian GST terhadap input pertanian."

"Kami tidak mahu selepas ini ada yang tidak lagi mahu aktif dalam sektor perladangan berikutan input pertanian yang semakin mahal kesan kenaikan dolar Ame-



AHMAD Shabery (dua dari kiri) beramah mesra bersama ahli pertubuhan peladang kecil selepas majlis perasmian Mesyuarat Agung Kali Ke-38 Pertubuhan Peladang Negeri Melaka di Ayer Keroh Country Resort, semalam.

FOTO: RAJUA AZLI SAMAD

rika Syarikat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Melaka ke-38 2015, di Ayer Keroh Country Resort, semalam.

Ahmad Shabery berkata, amat penting bagi kerajaan untuk terus menggalakkan rakyat menceburi bidang pertanian bagi meningkatkan lagi penghasilan makanan dalam negara serta mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan import.

"Inisiatif bantuan dalam bidang pertanian seperti baja dan subsidi perlu diteruskan bagi memastikan kos penghasilan makanan itu dapat dikawal serta tidak terlalu tinggi."

"Apa yang terjadi ialah apabila kos menghasilkan makanan dalam negara itu lebih tinggi daripada kos untuk import dari luar, ramai yang akan memilih barangan import dan lama-kelamaan tiada orang hendak bertani," katanya.

FAKTA
Inisiatif bantuan dalam bidang pertanian seperti baja dan subsidi perlu diteruskan